

**UCAPAN ENCIK MASAGOS ZULKIFLI MASAGOS MOHAMAD, PENERUSI JAWATANKUASA ANUGERAH PERSURATAN 2011, MENTERI NEGARA KEMENTERIAN EHWAL DALAM NEGERI MERANGKAP EHWAL LUAR, DI MAJLIS ANUGERAH PERSURATAN 2011 YANG KE-10, PADA HARI SABTU, 30 JULAI 2011, JAM 3.00 PETANG, DI HOTEL SHANGRI-LA .**

Encik Hawazi Daipi, Pengerusi Majlis Bahasa Melayu  
Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan  
Merangkap Tenaga Manusa

Encik Yatiman Yusof  
Duta Singapura ke Republik Kenya dan ahli Dewan Penasihat, Majlis Bahasa Melayu  
Singapura

Encik Sidek Saniff  
Mantan Menteri Negara Kanan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian  
Kesekitaran dan Mantan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu, SIngapura

Def-def terhormat

Hadirin yang dihormat

Salam sejahtera dan Selamat petang

### Pengenalan

1. Terima kasih kerana dapat bersama-sama petang ini dalam majlis Anugerah Persuratan 2011.

### Anugerah Persuratan 2011

2. Anugerah Persuratan merupakan satu usaha Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang berterusan untuk menyokong dan menggalakkan perkembangan bidang persuratan Melayu di Singapura.

3. MBMS akur bahawa sumbangan para penulis tanah air harus diberikan pengiktirafan. Walau sekecil mana sekalipun, anugerah ini diharap akan dapat

menjadi pendorong kepada para penulis kita untuk terus berkarya dan menyumbang kepada pembangunan bahasa dan sastera tanahair. Dan iltizam MBMS ini dibuktikan dengan adanya majlis hari ini yang merupakan tahun ke-10 Anugerah Persuratan diadakan.

### Peranan Sasterawan

4. Bidang persuratan amat penting dalam perkembangan bahasa kerana sastera merupakan satu wadah kritikal untuk menyemarakkan penggunaan bahasa dengan menampilkan keindahannya melalui kata-kata yang bukan hanya sekadar kata-kata.

5. Tetapi, bidang persuratan juga membolehkan pemikiran dan nilai masyarakat pengguna bahasa tersebut dizahirkan melalui penceritaan yang kreatif dan menarik. Melalui sastera kita dapat mengajak pembaca memikirkan, menilai dan membincangkan sesuatu isu yang diketengahkan.

6. Kini, dengan perkembangan teknologi para sasterawan juga boleh menghasilkan karya bukan sahaja dalam bentuk bercetak, tetapi secara elektronik melalui pelbagai media yang tersedia. Sekaligus, melalui media-media baharu yang ada sekarang ini, kita dapat memperkayakan, menyebarkan khazanah bahasa dan sastera Melayu.

### Penutup

7. Akhir kata, Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua penerima Anugerah Persuratan 2011. Semoga anugerah yang diterima dapat menjadi pendorong untuk terus giat berkarya dan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi.

8. Terima kasih daun keladi saya ucapkan juga kepada Cikgu Mohd Naim Daipi, Naib Pengerusi Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2011 dan ahli jawatankuasanya yang bertungkus-lumus menjayakan Anugerah Persuratan kali ini.

9. Sekian. Terima kasih.

---